

Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Pelajar Dalam Aktiviti Kemahiran Membaca Teks Arab

(*Students' Intrinsic and Extrinsic Motivation in Arabic Reading Skill-Activities*)

Mohd Hazli Yah@Alias (Pengarang Penghubung)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia
Tel: +6019-9828717 E-mail: mohdhazli@unisza.edu.my

Maimun Aqsha Lubis

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +6019-2705542 E-mail: mal@ukm.edu.my

Abstrak

Motivasi merupakan antara faktor pendorong kepada perlakuan individu dalam aktiviti membaca. Sorotan literatur menunjukkan keberkesanan aktiviti membaca banyak bergantung kepada galakan dan rangsangan daripada faktor dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik). Namun begitu, tahap kesedaran mengenai peranan dan kepentingan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam mempertingkatkan kemahiran dan kefahaman bacaan teks Bahasa Arab sebagai bahasa ke dua masih lagi rendah. Menyedari hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta memerihalkan tahap dan jenis motivasi dalam membaca teks Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian tinjauan melibatkan seramai 506 peserta kajian yang dipilih secara pensampelan rawak berkelompok. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi membaca teks Arab dalam kalangan pelajar secara keseluruhannya adalah tinggi ($\text{min}=3.69$). Para pelajar didapati lebih terdorong dengan motivasi ekstrinsik berbanding intrinsik. Dapatan kajian turut mendapati kesemua dimensi motivasi ekstrinsik iaitu gred, pengiktirafan, persaingan dan pematuhan mencapai tahap min yang tinggi berbanding intrinsik yang mencapai

tahap min sederhana. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa pengenapastian tahap dan jenis motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dilihat wajar dieksplotasi sebagai pemangkin kepada perancangan dan penambahbaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam mempertingkatkan efikasi kendiri pelajar sekaligus berpotensi mencapai kecemerlangan.

Kata Kunci: Motivasi; Intrinsik; Ekstrinsik; Kemahiran membaca; Bahasa Arab sebagai B2

Abstract

Motivation is one of the driving factors of individual behavior in reading activities. The literature reviews indicate that the effectiveness of reading activities very much relies on reinforcements and stimuli from internal (intrinsic) and external (extrinsic) factors. However, the level of awareness on the role and importance of intrinsic and extrinsic motivations in enhancing the reading skills and understanding of Arabic as a Second Language texts is still low. Acknowledging this, the study aims to identify and describe the levels and types of motivation in reading Arabic texts among students in the religious secondary school in Malaysia. A survey was conducted involving 506 participants selected by random group sampling method. The data were collected using questionnaire and analyzed

descriptively. The results show that the overall level of motivation to read Arabic texts among students is high (mean=3.69). Students are more motivated extrinsically rather than intrinsically. The results also indicate that all dimensions of extrinsic motivation, such as grade, recognition, competition and compliance attain a high level of mean in comparison to intrinsic motivation, which achieves a moderate mean level. The implication of this study explicates that identification of students' levels and types of intrinsic and extrinsic motivation should be utilized as a catalyst in the planning and enhancement of teaching and learning activities to help boost students' self-efficacy and thereby potentially achieving excellence.

Keywords: Motivation; Intrinsic; Extrinsic; Reading skills; Arabic as a second language

Pengenalan

Tidak dapat dinafikan bahawa motivasi memainkan peranan penting dalam aktiviti bacaan. Peranan dan sumbangan motivasi dalam aktiviti kemahiran membaca melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama bimbingan para pendidik dipercayai dapat menghasilkan impak positif yang besar kepada perkembangan dan pencapaian akademik pelajar (Guthrie & Knowles 2001; Grabe 2009). Ini dibuktikan menerusi kajian-kajian empirikal oleh para penyelidik dalam pelbagai bidang tentang motivasi, minat dan sikap pelajar berpaksikan kepada konsep kognitif dan psikologi pendidikan (Anderman & Dawson 2011; Larson, Ledger & Mastel 2016; Pintrich 2003; Schiefele et al. 2012). Namun begitu, senario penyelidikan berkaitan motivasi, minat dan sikap dalam bidang pembelajaran bahasa kedua (B2) khususnya aktiviti kemahiran membaca memperlihatkan naratif yang sedikit berbeza. Ini dapat diperhatikan menerusi kenyataan Grabe (2009:187) yang menyebut:

"These instructional research studies on the impact of motivation on reading reveal extremely important insights for improving

reading curricula and effective instruction. To date, no L2 reading research studies of this type have been carried out. We hope that this gap in L2 reading research will close in the coming years."

(Grabe 2009)

Grabe turut melontarkan pandangan berbentuk cabaran berkaitan dengan motivasi dalam aktiviti pembelajaran B2 yang wajar difikirkan oleh para penyelidik. Antara pandangan yang dikemukakan oleh beliau adalah mengenai bagaimana konsep pemindahan ilmu yang melibatkan elemen motivasi boleh diterjemahkan kepada bentuk aktiviti PdP bahasa dalam bilik darjah.

Definisi dan Konsep Motivasi Bacaan Dalam Penyelidikan

Konsep motivasi membaca begitu sinonim dalam dunia pendidikan. Secara literal motivasi membawa maksud keinginan atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk melakukan sesuatu dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan mencapai kejayaan (Dewan Bahasa, 2014). Tidak dinafikan wujud beberapa definisi motivasi yang dikemukakan oleh para penyelidik dalam kajian masing-masing. Sebagai contoh Bernard (1965) dalam buku beliau *Psychology of Learning* mentakrifkan motivasi sebagai proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat seseorang dalam melakukan sesuatu aktiviti. Manakala menurut Kimble (1984) motivasi adalah proses yang terjadi dalam diri yang mencetuskan tenaga dan daya penggerak untuk melakukan aktiviti tertentu demi mencapai suatu tujuan.

Kewujudan pelbagai definisi motivasi adalah disebabkan berbeza bentuk pemahaman konsep berdasarkan teori-teori yang ada sehingga boleh menimbulkan kesamaran dan kekeliruan kepada sesetengah pembaca seperti para pendidik (Grabe 2009; Ryan & Deci 2000). Antara bentuk kesamaran dan kekeliruan yang berlaku

adalah berkaitan dengan beberapa terma dan istilah dalam bidang motivasi bacaan seperti sikap, nilai, minat dan konsep kendiri yang seringkali dirujuk dan dijadikan sebagai pemboleh ubah dalam kajian yang dijalankan. Terdapat sebahagian penyelidik dilihat gagal untuk mengenal pasti terma dan istilah yang tepat berdasarkan teori dan konteks kajian yang dijalankan (Conradi, Jang & McKenna 2014; Jang et al. 2015). Ini dibuktikan oleh Conradi, Jang dan McKenna (2014) menerusi sorotan kajian secara sistematis (*systematic review*) ke atas 92 artikel yang dihasilkan pada tahun 2003 sehingga 2013 mendapati wujudnya kesilapan dan ralat yang dilakukan oleh para penyelidik berkaitan dengan definisi serta huraiyan yang berbeza dari maksud yang sepatutnya. Sehubungan itu, aspek yang perlu diberi perhatian adalah setiap teori motivasi mempunyai konsep, konstruk, terma dan ciri-ciri yang khusus malah berbeza antara satu sama lain berdasarkan bidang kajian yang perlu diberi perhatian (Anderman & Dawson 2011; Grabe 2009).

Dalam bidang kajian yang berkaitan dengan motivasi membaca Teori Determinasi Kendiri (*Self-Determination Theory - SDT*) merupakan salah satu teori yang diadaptasi oleh para penyelidik bagi mengkaji keupayaan individu (pembaca) dalam memilih cara untuk memenuhi keperluan dan bertindak mengikut kesesuaian persekitaran (Legault 2017; Ryan & Deci 2000a, 2000b). Menurut Grabe (2009) istilah determinasi kendiri membawa maksud penetapan serta keazaman kuat dari dalam untuk bertindak dan ia berkait rapat dengan tiga konsep utama keperluan yang mendasari pencapaian dan keinginan iaitu (i) berkebolehan untuk bertindak dengan jayanya; (ii) berupaya mengawal tindakan dan (iii) keterikatan dengan kumpulan sokongan. Ketiga-tiga konsep tersebut terhasil menerusi cetusan dan dorongan dari dalam (intrinsik) dan pada masa yang sama digerakkan oleh dorongan dari luar (ekstrinsik). Justeru, secara psikologi pembaca lazimnya percaya akan kebolehan dan keupayaan diri untuk melakukan aktiviti membaca, malah akan

lebih bersemangat tinggi untuk meneruskan bacaan sekiranya dapat memahami teks dengan baik berserta dengan sokongan dan dorongan daripada persekitaran (Grabe 2009; Jang et al. 2015).

Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Dalam Kemahiran Membaca

Motivasi intrinsik sebagaimana yang didefinisikan dalam SDT adalah merujuk kepada ciri-ciri yang proaktif hasil daripada rangsangan dalaman terhadap persekitaran, menonjolkan sifat kesungguhan dan rasa keseronokan tanpa perlu kepada suruhan, pengkuhan atau ganjaran. Manakala motivasi ekstrinsik pula merujuk kepada dorongan atau rangsangan luaran bagi mencapai satu-satu ganjaran yang jelas seperti pujian, penghargaan, markah dan sebagainya (Deci & Ryan 1985; Ryan & Deci 2000a, 2000b).

Sebahagian sarjana percaya bahawa individu yang memiliki tahap motivasi intrinsik yang tinggi dilihat lebih cenderung untuk berusaha bagi memenuhi kepuasan diri dalam melakukan aktiviti berdasarkan kepada dorongan naluri semula jadi dalaman yang kuat. Namun begitu, Harter (1981) telah mengenal pasti lima dimensi kecenderungan motivasi intrinsik yang boleh dibentuk dan digarap menerusi pengalaman dan proses pembelajaran. Dimensi-dimensi tersebut adalah cenderung kepada cabaran; pupuk sifat ingin tahu dan minat; insentif bekerja, usaha ke arah penguasaan kendiri; dan kriteria dalaman serta luaran tentang kejayaan dan kegagalan.

Sehubungan itu, beberapa orang sarjana seperti Allan Wigfield, John T. Guthrie dan Judy Huei Yu Wang merupakan antara penyelidik yang konsisten menjalankan penyelidikan tentang motivasi membaca dan telah menghasilkan instrumen soal selidik yang dikenali sebagai Soal Selidik Motivasi Membaca (*Motivation for Reading Questionnaire – MRQ*). Bermula dengan pemerhatian dan kajian yang dijalankan, Wigfield dan Guthrie (1997) menegaskan bahawa motivasi merupakan peramal (*predictor*)

yang signifikan dalam proses bacaan dan memiliki dua komposisi utama iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Bagi mengukur elemen intrinsik dan ekstrinsik tersebut, Wigfield dan Guthrie telah menghasilkan MRQ serta disusuli dengan proses semakan dan penambahbaikan (Wang & Guthrie 2004). Rentetan itu, terdapat sebahagian penyelidik menjalankan kajian yang membabitkan peranan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam bidang kemahiran membaca B1 mahupun B2 berpandukan kepada gagasan idea tersebut(Khan, Azlina & Sarimah 2017).

Antara dapatan penting daripada kajian-kajian yang dijalankan tentang motivasi bacaan mendapat perkaitan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan keseronokan membaca dan aras kemahiran berfikir. Menurut Guthrie & Wigfield (2000) pelajar yang mencapai tahap motivasi intrinsik yang tinggi dilihat lebih terdorong untuk membaca buku dengan jumlah yang banyak atas faktor efikasi kendiri dan timbul rasa seronok. Dapatan ini disokong oleh kajian Schaffner, Schiefele dan Ulferts (2013) yang mendapat pelajar yang membaca buku dalam jumlah bilangan yang besar dilihat memiliki tahap motivasi intrinsik yang positif berserta dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kefahaman bacaan berbanding dengan pelajar yang memiliki tahap motivasi ekstrinsik yang menunjukkan kesan yang negatif terhadap kefahaman bacaan.

Dapatan kajian juga mendapat pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik yang tinggi mempunyai korelasi yang positif dengan peningkatan pencapaian kefahaman bacaan secara konsisten menerusi penggunaan strategi bacaan (Baker & Wigfield 1999; Wang & Guthrie 2004; Wigfield). Manakala pelajar yang mempunyai tahap motivasi ekstrinsik yang tinggi dilihat mempunyai keupayaan dalam menggunakan strategi bacaan dan lebih cenderung untuk menyiapkan tugas demi mencapai gred yang lebih baik berbanding untuk memahami kandungan teks (Wigfield, Gladstone & Turci 2016).

Dalam pada itu, sorotan kajian berkaitan dengan PdP kemahiran Bahasa Arab (BA) sebagai B2 memperlihatkan konsep motivasi, sikap serta minat merupakan antara topik pilihan dalam kalangan para penyelidik di Malaysia untuk beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, kajian Nadhilah dan Kamarul Shukri (2018) ke atas 350 orang pelajar sekolah menengah yang mempelajari kemahiran BA mendapati bahawa wujudnya kepercayaan yang tinggi dalam kalangan pelajar tentang tahap motivasi intrinsik dan harapan bagi mencapai kejayaan dalam pembelajaran. Kajian yang hampir sama yang dijalankan oleh Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2009) ke atas 457 orang pelajar yang mempelajari BA sebagai B2 mendapat tahap motivasi pelajar adalah tinggi serta mempunyai korelasi positif dengan strategi pembelajaran.

Begitu juga kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2010) yang dijalankan secara temu bual ke atas sejumlah pelajar dan pensyarah yang mendapat bahawa pelajar menunjukkan aspek positif dari segi kognitif, afektif dan konatif terhadap pembelajaran kemahiran BA. Seterusnya kajian Ab. Halim dan Wan Muhamad (2016) yang mengkaji tentang hubungan boleh ubah minat dan sikap pelajar di peringkat ijazah terhadap pembelajaran kemahiran BA mendapat majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi namun tidak menunjukkan keselarian dengan sikap. Kajian Mohammad Abdillah, Asma dan Zamri (2015) ke atas 57 orang pelajar MRSM Ulul Albab pula mendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat pelajar terhadap pembelajaran kemahiran BA sebagai B2 dengan kualiti diri guru. Manakala kajian Khairatul Akmar, Ahmad Redzuan, Mohd Rofian dan Md Noor (2014) ke atas 37 orang pensyarah mendapat bahawa data sikap, motivasi serta persepsi pelajar terhadap pembelajaran BA adalah positif dan cemerlang. Ironinya, kesemua kajian di atas adalah mengenai pembelajaran BA secara umum dan tidak berfokus kepada mana-mana kemahiran bahasa secara khusus. Di samping itu juga, menerusi rumusan dan

cadangan dalam kajian-kajian berkenaan menzahirkan betapa para pelajar memerlukan bimbingan secara berterusan daripada para pembimbing bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengenal pasti secara kolektif tentang konsep motivasi dengan tumpuan diberikan kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam aktiviti kemahiran membaca teks BA sebagai B2. Kewajaran kajian ini juga adalah berdasarkan kesan langsung signifikasi motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang boleh dieksploitasi bersama pengalaman PdP antara pelajar dan pendidik.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Pemilihan kaedah tinjauan dilihat satu pendekatan yang sesuai bagi mengukur persepsi, pendapat, amalan dan orientasi yang melibatkan saiz populasi yang besar (Creswell 2012). Selain itu, kajian ini dijalankan menerusi kaedah kajian rentas dengan menggunakan teknik pengumpulan data sekali sahaja daripada sampel pada satu masa (Mohd Majid 2000). Kaedah kajian rentas merupakan pendekatan yang diterima bagi tujuan penerokaan dan boleh dijadikan rujukan khususnya berkaitan dengan penambahbaikan aktiviti kemahiran BA sebagai B2 di Malaysia.

Sampel kajian ini melibatkan seramai 506 orang dari populasi pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama di Terengganu yang berjumlah 2,776 orang berdasarkan sumber dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk tahun 2016. Kriteria pemilihan populasi kajian di Terengganu adalah berasaskan kepada wujudnya kepelbagaiannya tahap penguasaan, pencapaian prestasi dan kemahiran dalam kalangan pelajar. Elemen kepelbagaiannya tersebut turut dijadikan penanda aras oleh pihak Pejabat Pengurusan Projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab dalam menjalankan analisis

dan menyediakan data asas utama untuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Seterusnya, bagi kaedah pemilihan sampel pula, kajian ini menerapkan teknik pensampelan rawak berkelompok yang melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama adalah pengelasan sekolah mengikut kelompok atau zon yang bersesuaian dengan lokasi persempadanan sekolah dan keseluruhan ciri-ciri populasi. Pada peringkat kedua pula melibatkan pemilihan sampel secara teknik pensampelan rawak mudah daripada setiap kelompok atau zon. Setiap zon diwakili tiga buah sekolah dan setiap sekolah akan diwakili tiga buah kelas. (Lohr 2010; McMillan & Schumacher 2006).

Kajian ini menggunakan instrumen *Motivation for Reading in English Questionnaire* (MREQ) yang diadaptasikan daripada Komiyama (2009). Sebelum proses kutipan data dijalankan, pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran secara bertulis dan telah mendapat persetujuan daripada beliau. Instrumen MREQ mengandungi 53 item yang dibahagikan kepada dua kategori motivasi iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Setiap kategori terdapat empat dimensi. Tiga dimensi di bawah motivasi intrinsik adalah sifat ingin tahu, penglibatan dan berminat kepada cabaran. Manakala lima dimensi di bawah motivasi ekstrinsik pula adalah pengiktirafan, gred pencapaian, persaingan, pematuhan dan perkongsian sosial. Soal selidik ini menggunakan skala pemeringkatan lima mata bagi mewakili respons untuk setiap item. Lima mata skala tersebut adalah (1) ‘*sangat tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan*’; (2) ‘*tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan*’; (3) ‘*tidak pasti dengan pernyataan yang diberikan*’; (4) ‘*setuju dengan pernyataan yang diberikan*’; (5) ‘*sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan*’.

Meskipun MREQ dibina bersesuaian dengan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2, namun pemilihan instrumen berkenaan untuk diguna pakai dalam kajian pembelajaran B2 yang lain seperti BA adalah berasaskan kepada justifikasi-justifikasi berikut. Pertama,

motivasi membaca dalam pembelajaran B2 adalah bersifat multi-dimensi yang memberi ruang kepada para penyelidik, guru atau pihak yang berkepentingan untuk meneroka hubungan antara motivasi dan tingkah laku dalam aktiviti membaca. Kedua, motivasi intrinsik dan ekstrinsik memberi ruang dalam bidang penyelidikan untuk mengenal pasti ciri-ciri motivasi seorang pembaca dalam pembelajaran B2 (Komiyama 2013). Ketiga, sarjana Komiyama menerusi emel mengesyorkan agar soal selidik tersebut dilakukan proses penterjemahan seperti yang dilakukan terjemahan kepada bahasa Rusia dan beberapa bahasa lain.

Sehubungan itu, 53 item asal MREQ yang ditulis dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan dan melalui proses kesahan mula menerusi proses terjemahan dan semakan struktur ayat bahasa yang dilakukan mengikut kaedah *back translation* (Brislin 1970). Prosedur terjemahan timbal balik tersebut melibatkan perkhidmatan sebilangan para ilmuwan dalam bidang bahasa. Setelah selesai proses terjemahan dan semakan bahasa, instrumen berkenaan telah melalui kajian rintis yang melibatkan 30 orang pelajar dan telah mendapat kebenaran daripada pihak KPM, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu serta para pengetua sekolah yang berkaitan (terlibat) untuk diedarkan bagi pungutan data sebenar.

Aspek kesahan konstruk atau dimensi dan item motivasi MREQ dalam kajian ini ditunjukkan menerusi dapatan analisis faktor penerokaan (EFA). Dalam menjalankan analisis EFA, Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) telah dijalankan bagi menentukan kesempurnaan dan kecukupan item soalan dengan membandingkan magnitud bagi pekali korelasi separa. Ujian KMO diambil kira dalam EFA kerana ia dapat menunjukkan wujudnya *multi-collinearity* dalam mengenal pasti sama ada item-item berkenaan sesuai atau tidak untuk dijalankan analisis faktor (Ghazali & Sufean 2016). Seterusnya, untuk aspek kebolehpercayaan instrumen pula nilai pekali *Alfa Cronbach* telah diguna pakai bagi mengukur ciri-ciri kekonsistenan dan ketekalan

item. Senarai keseluruhan nilai KMO bagi ujian EFA dan nilai pekali *Alfa Cronbach* ditunjukkan seperti mana pada Jadual 1. Berdasarkan jadual tersebut didapati nilai KMO bagi setiap dimensi adalah melebihi daripada 0.60 dan ini menunjukkan bahawa analisis faktor sesuai untuk dijalankan kerana permasalahan berkaitan dengan *multi-collinearity* dapat di atasi (Hair et al. 2010; Pallant 2013). Begitu juga dengan nilai-nilai *Alfa Cronbach* bagi setiap dimensi adalah melebihi 0.60 dan ini menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan item yang mengukur ciri personaliti, sikap dan pandangan adalah sesuai (Mohd Majid 2000). Oleh yang demikian, data kajian ini dianggap sah dan boleh untuk diteruskan dengan ujian selanjutnya.

Jadual 1: Nilai Indeks Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen
Kajian

Kategori / Dimensi Motivasi	Bilangan Item	Nilai KMO	Nilai Alfa Cronbach (α)
Intrinsik - Sifat Ingin Tahu	8	0.868	0.850
Intrinsik - Penglibatan	7	0.742	0.648
Intrinsik - Berminat Kepada Cabaran	6	0.836	0.731
Ekstrinsik - Perkongsian Sosial	5	0.832	0.839
Ekstrinsik - Pengiktirafan	8	0.858	0.874
Ekstrinsik - Persaingan	4	0.831	0.774
Ekstrinsik - Gred	7	0.701	0.640
Pencapaian	53	0.800	0.862
Ekstrinsik - Pematuhan			
Keseluruhan			

Dalam kajian ini, data yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif melibatkan min dan sisihan piawai. Meskipun terdapat pandangan yang menyatakan hasil ujian statistik deskriptif tidak boleh digunakan untuk digeneralisasikan namun terdapat

sesetengah pengamal statistik berpandangan bahawa hasil kajian yang bersifat deskriptif boleh digeneralisasikan kepada sampel lain dalam populasi lain yang sama ciri, karakter dan sifatnya asalkan pemilihan sampel dibuat secara rawak (Ghazali & Sufean, 2016). Ini bertepatan dengan pandangan Williams (2007) yang menjelaskan bahawa kajian deskriptif adalah lebih melibatkan pengenalpastian ciri-ciri suatu fenomena tertentu yang dikaji berdasarkan eksplorasi dan pemerhatian pada hubungan atau korelasi antara dua atau lebih pada ciri-ciri suatu fenomena.

Untuk tujuan penginterpretasian tahap motivasi membaca teks pula, pengkaji menggunakan kriteria penilaian yang dikemukakan oleh Oxford (1990) seperti mana Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Tahap Motivasi Membaca Teks

Interpretasi	Skor Min
Motivasi Tinggi	3.50 hingga 5.00
Motivasi Sederhana	2.50 hingga 3.49
Motivasi Rendah	1.00 hingga 2.49

Hasil dan Perbincangan

Motivasi Pelajar Dalam Aktiviti Kemahiran Membaca Teks Arab

Dapatkan kajian pada Jadual 3 menunjukkan tahap motivasi membaca teks Arab dalam kalangan pelajar SMA secara keseluruhannya adalah tinggi ($\text{min}=3.69$, $s.p=0.47$). Ini menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai kesedaran dan dorongan untuk menguasai kemahiran membaca teks Arab. Dapatkan ini dilihat selaras dengan dapatan-dapatan kajian yang dijalankan dalam konteks pembelajaran BA sebagai B2 yang melaporkan tahap motivasi para pelajar adalah tinggi (Kamarul Shukri & Mohamed Amin 2009; Nadhilah & Kamarul Shukri 2018).

Namun begitu, jika diperhatikan pada Jadual 3 menerusi perbandingan min antara setiap kategori dan dimensi didapati keempat-

empat dimensi motivasi ekstrinsik iaitu gred pencapaian ($\text{min}=4.09$, $s.p=0.19$), pengiktirafan ($\text{min}=3.95$, $s.p=0.28$), persaingan ($\text{min}=3.78$, $s.p=0.24$) dan pematuhan ($\text{min}=3.77$, $s.p=0.27$) berada pada tahap tinggi berbanding dengan tiga dimensi motivasi intrinsik iaitu penglibatan ($\text{min}=3.13$, $s.p=0.64$), berminat kepada cabaran ($\text{min}=2.83$, $s.p=0.33$) dan sifat ingin tahu ($\text{min}=2.75$, $s.p=0.46$) yang berada pada tahap sederhana. Manakala terdapat satu kategori ekstrinsik bagi dimensi perkongsian sosial mencapai tahap sederhana ($\text{min}=2.85$, $s.p=0.17$). Ini menunjukkan bahawa para pelajar lebih terdorong dengan dorongan dan rangsangan berbentuk luaran (ekstrinsik) dalam menguasai kemahiran membaca teks berbanding dorongan bersifat dalaman (intrinsik). Dapatkan kajian ini dilihat selaras dengan dengan dapatan kajian Wigfield, Gladestone dan Turci (2016) iaitu pelajar yang mempunyai tahap motivasi ekstrinsik lebih terdorong untuk menggapai gred pencapaian yang tinggi dan menyiapkan tugasan seperti mana yang diarahkan oleh guru.

Jadual 3: Tahap Motivasi Membaca Teks Arab Berdasarkan Kategori dan Jenis

Kategori / Dimensi Motivasi	Min	S.P	Interpretasi
Ekstrinsik - Gred Pencapaian	4.09	0.19	Tinggi
Ekstrinsik - Pengiktirafan	3.95	0.28	Tinggi
Ekstrinsik - Persaingan	3.78	0.24	Tinggi
Ekstrinsik - Pematuhan	3.77	0.27	Tinggi
Ekstrinsik - Perkongsian Sosial	2.85	0.17	Sederhana
Intrinsik - Penglibatan	3.13	0.64	Sederhana
Intrinsik - Berminat Kepada Cabaran	2.83	0.33	Sederhana
Intrinsik - Sifat Ingin Tahu	2.75	0.46	Sederhana
Keseluruhan	3.69	0.47	Tinggi

Perincian Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Pelajar Dalam Aktiviti Bacaan Teks Arab

Berdasarkan Jadual 4 disenaraikan secara terperinci 25 item pernyataan motivasi mengikut kategori dan dimensi yang mencapai min paling tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar lebih cenderung untuk menjalankan aktiviti bacaan teks Arab berdasarkan rangsangan dan dorongan berbentuk ekstrinsik. Ini berdasarkan daripada jumlah 25 item pernyataan motivasi yang disenaraikan tersebut didapati hanya satu item pernyataan sahaja yang menunjukkan kepada motivasi intrinsik dimensi penglibatan iaitu ‘*saya teruja apabila dapat memahami perkara yang ditulis dalam BA*’ ($\text{min}=4.47$, $\text{s.p}=0.80$) iaitu min yang paling tinggi. Ini bermakna pelajar lebih terdorong dan lebih berminat untuk mengetahui dan memahami kandungan teks. Dapatan ini dilihat selaras dengan kajian Deci dan Ryan (1985) yang menjelaskan antara ciri-ciri motivasi intrinsik adalah dorongan dan rangsangan secara semula jadi terhadap kepentingan dan kesungguhan diri tentang sesuatu perkara dilakukan.

Manakala perincian baki 24 item pernyataan motivasi yang mencapai min paling tinggi adalah ‘*penting bagi saya untuk mendapat gred pencapaian yang baik dalam pembacaan BA*’ ($\text{min}=4.33$, $\text{s.p}=0.81$), ‘*saya suka apabila guru mengatakan bahawa saya membaca dengan baik bahan bacaan BA*’ ($\text{min}=4.30$, $\text{s.p}=0.79$), ‘*saya sanggup berusaha dengan gigih untuk membaca lebih baik berbanding rakan-rakan lain dalam BA*’ ($\text{min}=4.26$, $\text{s.p}=0.93$), ‘*saya membaca dalam BA supaya dapat lulus dalam subjek BA*’ ($\text{min}=4.19$, $\text{s.p}=0.88$), ‘*saya suka mendapat komen positif tentang kemampuan pembacaan BA saya*’ ($\text{min}=4.16$, $\text{s.p}=0.84$), ‘*saya mahu membaca dalam BA demi untuk memperbaiki gred pencapaian*’ ($\text{min}=4.08$, $\text{s.p}=1.02$), ‘*saya teruja untuk mengetahui gred pencapaian pembacaan BA*’ ($\text{min}=4.07$, $\text{s.p}=0.88$), ‘*saya berusaha untuk membaca dalam BA kerana saya memerlukan markah yang baik dalam ujian*’ ($\text{min}=4.07$, $\text{s.p}=0.92$), ‘*saya gembira apabila ada individu mengiktiraf*

kemampuan saya membaca dalam BA’ ($\text{min}=4.05$, $\text{s.p}=0.92$), ‘*saya suka apabila rakan memberitahu bahawa saya adalah seorang pembaca BA yang baik*’ ($\text{min}=4.04$, $\text{s.p}=0.94$), ‘*saya berusaha untuk membaca bahan bacaan BA kerana saya ingin melihat markah pembacaan saya meningkat dalam setiap ujian yang dijalankan*’ ($\text{min}=3.97$, $\text{s.p}=0.98$), ‘*saya suka jika saya merupakan satu-satunya pelajar yang tahu jawapan tentang sesuatu yang dibaca dalam BA*’ ($\text{min}=3.92$, $\text{s.p}=1.11$), ‘*saya berasa gembira apabila rakan-rakan meminta bantuan saya dalam tugas pembacaan BA mereka*’ ($\text{min}=3.86$, $\text{s.p}=0.95$), ‘*saya lebih gigih berusaha dalam tugas pembacaan BA apabila tugas tersebut diberikan gred pencapaian*’ ($\text{min}=3.86$, $\text{s.p}=1.04$), ‘*apabila saya membaca bahan bacaan BA, saya sering fikirkan tentang kemampuan saya membaca berbanding orang lain*’ ($\text{min}=3.84$, $\text{s.p}=1.03$), ‘*saya berlatih membaca bahan bacaan BA kerana saya berasa seronok apabila dapat menjawab dengan betul soalan yang ditanyakan oleh guru di dalam kelas*’ ($\text{min}=3.83$, $\text{s.p}=1.07$), ‘*saya berlatih membaca dalam BA kerana saya ingin mendapat markah pembacaan yang lebih tinggi berbanding rakan sekelas*’ ($\text{min}=3.80$, $\text{s.p}=1.06$), ‘*adalah penting bagi saya untuk menyiapkan tugas pembacaan BA menepati tempoh masa yang ditetapkan*’ ($\text{min}=3.78$, $\text{s.p}=1.04$), ‘*saya membaca bahan bacaan BA kerana saya diberitahu bahawa saya perlu mempraktikkan BA dengan baik*’ ($\text{min}=3.73$, $\text{s.p}=0.96$), ‘*apabila terdapat rakan sekelas yang mampu membaca teks BA lebih baik daripada saya, ia membuatkan saya untuk membaca lebih banyak lagi bahan BA*’ ($\text{min}=3.73$, $\text{s.p}=1.07$), ‘*apabila saya menyiapkan tugas pembacaan BA di dalam kelas, saya berusaha mendapatkan lebih bilangan jawapan yang betul berbanding rakan sekelas*’ ($\text{min}=3.69$, $\text{s.p}=1.03$), ‘*saya menyiapkan tugas pembacaan BA sebagaimana yang diarahkan oleh guru*’ ($\text{min}=3.59$, $\text{s.p}=1.01$), ‘*saya sanggup berusaha lebih gigih agar pembacaan BA saya lebih baik berbanding dengan rakan yang lain*’ ($\text{min}=3.58$, $\text{s.p}=1.02$), dan pernyataan ‘*saya sentiasa berusaha untuk menyiapkan tugas*

pembacaan BA dalam tempoh yang ditetapkan’ (min=3.58, s.p=1.00).

Dapatkan perincian 24 item pernyataan motivasi ekstrinsik ini menunjukkan bahawa para pelajar memiliki dorongan, kesedaran dan pertimbangan kendiri dari faktor luaran ketika membaca teks Arab. Kesemua 24 item pernyataan motivasi tersebut boleh dikelompokkan kepada beberapa tema dan dimensi utama yang menunjukkan elemen ekstrinsik iaitu mendepani cabaran, gigih dalam memperoleh ganjaran dan pengiktirafan atas kejayaan. Dapatkan ini selaras dengan dapatan kajian Covington dan Mueller (2001) iaitu motivasi ekstrinsik berupaya mendorong seseorang untuk bersifat positif terhadap sesuatu perkara yang dilihat penting bagi mencapai matlamat yang dicapai. Dapatkan ini juga selaras dengan kajian Harter (1981) yang telah mengenal pasti beberapa dimensi kecenderungan motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang boleh dimanfaatkan dalam perancangan aktiviti PdP.

Jadual 4: Item Motivasi Yang Mencapai Min Interpretasi Tinggi

Manakala pada Jadual 5 pula disenaraikan sepuluh (10) item motivasi mengikut kategori dan dimensi yang mencapai min paling rendah iaitu ‘*saya suka membaca tentang topik yang akan dipelajari pada masa hadapan dalam BA*’ (min=2.29, s.p=1.05), ‘*saya membaca dalam BA demi untuk mempelajari dengan lebih lanjut tentang hobi saya*’ (min=2.30, s.p=1.09), ‘*saya gemar pembacaan BA yang sukar dan mencabar*’ (min=2.30, s.p=1.12), ‘*apabila guru atau rakan memberitahu sesuatu yang menarik, saya mungkin akan membacanya dalam BA*’ (min=2.34, s.p=1.07), ‘*ketika saya sedang membaca sesuatu topik yang menarik dalam BA, saya terkadang hilang kawalan masa*’ (min=2.57, s.p=1.14), ‘*apabila sesuatu tajuk itu menarik, saya sanggup membaca bahan bacaan BA yang sukar*’ (min=2.59, s.p=1.19), ‘*saya seronok membaca dalam BA bagi mempelajari tentang apa yang berlaku dalam dunia*’ (min=2.67, s.p=1.15), ‘*saya dan rakan gemar berkongsi tentang perkara yang*

kami baca dalam BA’ (min=2.67, s.p=1.12), ‘*saya suka bercakap dengan rakan tentang perkara yang telah saya baca dalam BA*’ (min=2.72, s.p=1.08), dan ‘*saya suka membaca tentang pelbagai perkara menarik dalam BA*’ (min=2.74, s.p=1.08).

Dapatkan ini menunjukkan bahawa para pelajar menunjukkan kecenderungan yang sederhana dalam menjalankan aktiviti bacaan teks Arab yang melibatkan minat untuk tahu dengan lanjut tentang kandungan teks yang dibaca.

Jadual 5: Item Pernyataan Motivasi Mencapai Min Sederhana dan Rendah

Kesimpulan

Pengintegrasian elemen motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang bersesuaian dalam aktiviti PdP kemahiran membaca dilihat antara elemen penting bagi memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana motivasi intrinsik dan ekstrinsik dipercayai dapat membantu untuk membentuk perubahan tingkah laku pembaca ke arah yang lebih positif. Bentuk dorongan yang berfokus serta bimbingan yang afektif menerusi perancangan gerak kerja dan aktiviti yang terancang bersama pendidik dan rakan sebaya diyakini dapat mempertingkatkan keupayaan kognitif, pemahaman serta keyakinan pelajar dalam proses pembacaan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa para pelajar memiliki kesedaran, keterujaan, kesanggupan untuk berusaha dan bersedia melakukan aktiviti pembelajaran secara aktif.

Rujukan

- Baker, L. & Wigfield, A. (1999). Dimensions of Children’s Motivation for Reading and Their Relations to Reading Activity and Reading Achievement. *Reading research quarterly* 34(-): 452-477.

- Bernard, H. W. (1965). *Psychology of Learning and Teaching*. 2nd. New York: McGraw-Hill.
- Brislin, R. W. (1970). Back-Translation for Cross-Cultural Research. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 1(3): 185-216.
- Conradi, K., Jang, B. G. & Mckenna, M. C. (2014). Motivation Terminology in Reading Research: A Conceptual Review. *Educational Psychology Review* 26(1): 127-164.
- Covington, M. V. & Mueller, K. J. (2001). Intrinsic Versus Extrinsic Motivation: An Approach/Avoidance Reformulation. *Educational and Psychological Review* 13(2): 157-176.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. ke-4. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Guthrie, J. T. & Wigfield, A. (2000). Engagement and Motivation in Reading. Dlm. Kamil, M. L., Mosenthal, P. B., Pearson, P. D. & Barr, R. (pnyt.). *Handbook of Reading Research Volume 3*, hlm. 403-422. New Jersey: Lawrence Erlbaum Assocaites.
- Harter, S. (1981). A New Self-Report Scale of Intrinsic Versus Extrinsic Orientation in the Classroom: Motivational and Informational Components. *Developmental Psychology* 17(3): 300-312.
- Jang, B. G., Conradi, K., Mckenna, M. C. & Jones, J. S. (2015). Motivation. *The Reading Teacher* 69(2): 239-247.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 24(-): 109-123.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khan, T. J., Azlina Murad Sani & Sarimah Shaik-Abdullah. (2017). Motivation to Read in a Second Language: A Review of Literature. *international Journal of Research in English Education* 2(4): 41-50.
- Komiyama, R. (2009). Second Language Reading Motivation of Adult English for Academic Purposes Students. Tesis Northern Arizona University.
- Komiyama, R. (2013). Factor Underlying Second Language Reading Motivation of Adult Eap Students. *Reading in a Foreign Language* 25(2): 149-169.
- Legault, L. (2017). Self-Determination Theory. Dlm. Zeigler-Hill, V. & Shackelford, T. K. (pnyt.). *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*, hlm. 1-9. Cham: Springer International Publishing.
- Lohr, S. L. (2010). *Sampling: Design and Analysis*. Ed. ke-2. Boston: Brooks/Cole.
- Mcmillan, J. H. & Schumacher, S. 2006. *Reserch in Education: Evidence-Based Inquiry*. Ed. ke-6. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000a). Self-Determination Theory and the Facilitation of Intrinsic Motivation, Social Development, and Well-Being. *American Psychologist* 55(1): 68-78.

Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000b). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology* 25(-): 54-67.

Schaffner, E., Schiefele, U. & Ulferts, H. (2013). Reading Amount as a Mediator of the Effects of Intrinsic and Extrinsic Reading Motivation on Reading Comprehension. *Reading Research Quarterly* 48(4): 369-385.

Wang, J. H. Y. & Guthrie, J. T. (2004). Modeling the Effects of Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation, Amount of Reading, and Past Reading Achievement on Text Comprehension between U.S. And Chinese Students. *Reading research quarterly* 39(2): 162-186.

Wigfield, A., Gladstone, J. & Turci, L. (2016). Beyond Cognition: Reading Motivation and Reading Comprehension. *Child Dev Perspect* 10(3): 190-195.

Wigfield, A. & Guthrie, J. T. (1997). Relation of Children's Motivation for Reading to the Amount and Breadth of Their Reading. *Journal of Educational Psychology* 89(3): 420-432.

Williams, C. (2007). Research Methods. *Journal of Business & Economic Research* 5(3): 65-72.

